



RINGKASAN HASIL PENEMUAN KAJIAN

KAJIAN HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

RINGKASAN HASIL PENEMUAN KAJIAN :
KAJIAN HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

PENGENALAN

Kajian ini adalah hak milik agensi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kajian dilaksanakan oleh Akademi Aidit Sdn. Bhd. pada tahun 2013.

Objektif umum kajian ini untuk menyediakan perancangan hala tuju baru bagi Wilayah Kelantan Selatan sehingga tahun 2030. Manakala objektif khusus tentang Wilayah Kelantan Selatan adalah seperti berikut:

- i. Menilai pencapaian pembangunan Wilayah Kelantan Selatan (sektor ekonomi, pertanian, perdagangan, perumahan dan perindustrian) berbanding dengan pencapaian nasional.
- ii. Mengenal pasti potensi pembangunan utama wilayah, strategi dan mekanisme pembangunan yang meliputi semua agensi pembangunan.
- iii. Merancang pembangunan Wilayah Kelantan Selatan secara kolaborasi secara bersama antara KESEDAR dengan agensi pembangunan persekutuan dan negeri yang lain, berdasarkan bidang pengkhususan pembangunan masing-masing mengikut teras/sektor pembangunan utama dengan strategi-strategi pembangunan yang berkesan.
- iv. Menyediakan penanda aras pencapaian pembangunan bagi Wilayah Kelantan Selatan

Objektif khusus juga menyentuh agensi KESEDAR antaranya menilai pencapaian penubuhan KESEDAR mengikut sektor pembangunan selaras dengan kehendak Akta 203; menyediakan cadangan penambahbaikan kepada perancangan, pelaksanaan dan mekanisme pelaksanaan projek serta usaha-usaha inovasi dan transformasi untuk KESEDAR berperanan dengan lebih berkesan dan lebih menonjol

selaras dengan peranannya sebagai peneraju utama Wilayah Kelantan Selatan; dan lain-lain objektif khusus dalam laporan kajian

METOD KAJIAN

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah holistik yang mengambil kira keperluan yang tersurat dan tersirat di dalam objektif dan skop kajian. Ia mengambil pendekatan yang merangkumi kedua-dua kaedah: kualitatif dan kuantitatif dengan data dan maklumat yang bersumberkan hasil ulasan karya (*literature review*), penanda aras (*benchmarking*), perbincangan (seminar, perbincangan kumpulan fokus serta makmal idea dan simulasi), analisis data sekunder, pemerhatian langsung serta data primer yang dicerap melalui kaji selidik lapangan (*survey research*).

Kajian lapangan menggunakan kaedah kaji selidik yang telah dijalankan terhadap responden yang dipilih secara rawak dari empat wilayah di Kelantan Selatan iaitu Gua Musang, Jeli, Tanah Merah dan Kuala Krai.

SKOP DAN HASIL KAJIAN

Skop kajian ini secara umumnya merangkumi penilaian pencapaian, persepsi dan ekspektasi, hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan, penanda aras dan unjuran pembangunan, elemen dan transformasi serta pengurusan pelaksanaan projek.

Dari segi profil asas, daerah-daerah pentadbiran Wilayah Kelantan Selatan meliputi tiga per empat daripada keluasan Kelantan dengan keluasan 1.234 juta hektar melibatkan jajahan Gua Musang (797,977 hektar), jajahan Kuala Krai (235,689 hektar), jajahan Jeli (128,304 hektar) dan sebahagian jajahan Tanah Merah (72,273 hektar).

Dari segi pembangunan, hampir keseluruhan Wilayah Kelantan Selatan merupakan kawasan pertanian yang terdiri daripada Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR, Rancangan Pemulihan Tanah KESEDAR, Rancangan Kemajuan Tanah FELDA, Rancangan Kemajuan Tanah FELCRA, Rancangan Penempatan Orang Asli, ladang milik anak syarikat kerajaan dan swasta, kampung-kampung tradisional dan Pusat-pusat pertumbuhan utama.

Hasil kajian dari segi elemen budaya masyarakat mendapati antara budaya kondusif masyarakat yang tinggal di Wilayah KESEDAR ialah mempunyai hubungan kejiwaan yang baik, memiliki tahap prasangka yang rendah walaupun berasal dari daerah yang berlainan, menggalakkan anak-anak melanjutkan pelajaran serta menguasai kemahiran di institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran, memiliki potensi daya kecendekiawanan dan keusahawanan, mempunyai sifat taat dan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi pelbagai masalah.

Dari segi penilaian pencapaian pembangunan sosio ekonomi, kajian menunjukkan purata pendapatan penduduk KESEDAR pada tahun 2010 ialah RM1,029.80. KESEDAR berjaya mengeluarkan purata 11% setahun golongan miskin tegar bagi tempoh 2008–2011. Hasil kajian juga menunjukkan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan Penyusunan Semula Kampung (PSK) berjaya membantu seramai 1,248 penduduk miskin di pedalaman memiliki rumah di tiga kawasan pertumbuhan baru sehingga tahun 2010. Hasil daripada pertanian komoditi yang dibangunkan oleh KESEDAR menyumbang sumber pendapatan utama kepada 49,095 orang dengan purata pendapatan RM900 sebulan pada tahun 2010. Dapatan kajian tentang kemudahan pendidikan menunjukkan keperluan penambahan sekolah menengah di Wilayah KESEDAR sebanyak 22 buah sekolah iaitu Tanah Merah (8), Gua Musang (8), Kuala Krai (4) dan Jeli (2) bagi menampung pertambahan bilangan penduduk bagi tempoh 2025-2030.

Penemuan kajian bagi pembangunan spatial di Wilayah KESEDAR seperti jalan perhubungan antara wilayah ialah 129 km (Gua Musang-Kuala Lipis), 123 km (Gua Musang-Kuala Berang) dan 114 km (Gua Musang-Cameron Highlands). Manakala kemudahan bekalan elektrik 24 jam dan bekalan air bersih telah mencapai 98% pada

tahun 2010. Berdasarkan penilaian pencapaian pembangunan KESEDAR mengikut sasaran yang ditetapkan dari segi penyediaan Jalan Perhubungan Dalam Wilayah menunjukkan terdapat 1,089.4 km Jalan Perhubungan Desa manakala Jalan Luar Bandar sepanjang 59.3 km pada tahun 2010. Data pencapaian pembangunan KESEDAR dalam bidang pertanian pada tahun 2010 menunjukkan sebanyak 43,631.68 hektar adalah keluasan kawasan pertanian komoditi yang dibangunkan oleh KESEDAR.

Hasil kajian mengenai kemudahan kesihatan pula menunjukkan keperluan tambahan 31 buah kemudahan kesihatan klinik desa iaitu di Tanah Merah (11), Gua Musang (10), Kuala Krai (5) dan Jeli (5) pada tahun 2025-2030.

Berdasarkan analisis SWOT menunjukkan kekuatan (*strength*) organisasi KESEDAR antaranya ialah:

- Menerima sokongan dan kerajaan persekutuan dan agensinya
- Memiliki warga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman
- Mengamalkan semangat kerja berpasukan
- Mempunyai persekitaran budaya dan organisasi yang kondusif
- Memiliki potensi aset fizikal dan bukan fizikal yang berdaya maju

Manakala analisis peluang (*Opportunity*) yang dikenalpasti antaranya ialah:

- Meluaskan jaringan kerjasama strategik dan penglibatan masyarakat dengan perancangan, program dan aktiviti pembangunan
- Memanfaatkan kekuatan dan keunikan masyarakat Kelantan dan masyarakat KESEDAR untuk memacu pembangunan secara sinergi dan kolektif.

Hasil kajian juga memerihalkan analisis respons yang diperoleh dari soal selidik ke atas 1,055 orang responden dalam kalangan penduduk KESEDAR. Analisis ini merangkumi tiga bahagian berikut:

- i. Perbandingan respons berdasarkan wilayah
- ii. Penilaian respons terhadap program pembangunan KESEDAR terpilih

iii. Persepsi responden terhadap soalan terbuka

Antara dapatan kajian berkaitan tahap pengetahuan, penglibatan dan kepuasan responden terhadap program pembangunan KESEDAR mengikut skala skor (60-79% = berpuas hati), (80-100% = sangat berpuas hati) adalah seperti berikut:

- Tahap kepuasan responden terhadap Pembangunan Keusahawanan oleh KESEDAR menunjukkan 87.4% di Gua Musang, 65.7% di Jeli, 84% di Tanah Merah dan 73.3% di Kuala Krai.
- Tahap kepuasan terhadap program Pembangunan Modal Insan ialah 80% di Gua Musang, 24% di Jeli, 86.7% di Tanah Merah dan 66.7% di Kuala Krai.
- Tahap kepuasan terhadap program Latihan Kemahiran dan Kerjaya KESEDAR ialah 77.5% di Gua Musang, 73.3% di Jeli, 85% di Tanah Merah dan 77.1% di Kuala Krai.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan penemuan kajian yang telah di analisis, kajian ini telah menghasilkan cadangan Pelan Pembangunan Wilayah dan Pelan Strategik KESEDAR. Dokumen Pelan Pembangunan Wilayah memperincikan inisiatif-inisiatif utama yang digubal untuk menjadi panduan dan rujukan teras pada hala tuju dan proses pembangunan wilayah secara berfasa sehingga tahun 2030. Dokumen Pelan Strategik KESEDAR pula memperincikan inisiatif-inisiatif utama untuk mentransformasikan KESEDAR sebagai sebuah organisasi yang berfungsi sebagai tulang belakang pembangunan wilayah.

Kajian ini telah mengemukakan cadangan penambahbaikan program pembangunan KESEDAR berdasarkan analisis terhadap persepsi responden kepada penambahbaikan tersebut meliputi **Sistem** (70.4%), **Kapasiti** (10.7%), **Iklm** (5.9%), **Potensi** (5.7%), **Warga Kerja** (5.2%) dan **Imej** (2.1%). Antara perincian cadangan ini seperti menyediakan kemudahan sosial yang lengkap untuk penduduk, menaik taraf infrastruktur kampung dengan baik, mentransformasikan pengurusan dan perkhidmatan terbaik bagi faktor **Sistem**. Antara cadangan bagi faktor **Kapasiti**

seperti menyediakan penempatan/rumah kepada penduduk terutama kepada generasi kedua, membangun kampung tradisional, RKT (Rancangan Kemajuan Tanah) dan RPT (Rancangan Pemulihan Tanah) secara adil dan seimbang. Manakala cadangan bagi faktor **Iklim** ekonomi dan sosial seperti memperluaskan projek agropolitan, mengutamakan kebersihan dan keceriaan kampung. Cadangan dari segi faktor **Potensi** seperti memberi kursus intensif kepada masyarakat peneroka.

Berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Wilayah KESEDAR antara cadangan yang dikemukakan ialah merencanakan wilayah ini dengan mempelbagaikan asas ekonomi di kawasan bandar dan luar bandar untuk mewujudkan ruang pekerjaan dan peningkatan perolehan pendapatan iaitu menjadi pusat pengeluaran makanan dan sumber bahan mentah, membangunkan industri desa berasaskan sumber alam, mempertingkatkan tahap kemudahsampaian di seluruh negeri dengan rangkaian perhubungan wilayah dan intra wilayah serta mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan utiliti.

Kajian turut mencadangkan cadangan hala tuju Wilayah Kelantan Selatan mengikut tumpuan jajahan iaitu Gua Musang sebagai Wilayah Sehenti, Kuala Krai sebagai Wilayah Warisan, Tanah Merah dan Jeli sebagai Wilayah Eko Pelancongan.

PENUTUP

Kajian ini menyediakan data dan maklumat berkaitan pembangunan Wilayah Kelantan Selatan sehingga 2030 serta cadangan strategik KESEDAR dalam hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan. Strategi-strategi pembangunan yang dikemukakan dapat menjadi asas bagi pembangunan spatial Wilayah Kelantan Selatan yang terancang serta pembentukan dasar-dasar sektoral sehingga tahun 2030.